

Permulaan era Perikatan Nasional

Barisan Kabinet Muhyiddin bakal jadi tumpuan

Kuala Lumpur: Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri ke-8 di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri itu berlangsung di Balai Singgahsana Kecil, Istana Negara di sini pada jam 10.33 pagi, semalam.

Al-Sultan Abdullah memberi perkenan pelantikan itu selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan.

Tun Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri interim setelah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri ke-7 pada 24 Februari lalu.

Turut berangkat pada istiadat itu, Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Muhyiddin, 72, yang memakai baju Melayu hitam lengkap bersamping hitam bersulam benang keemasan diiringi isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Setelah membaca ikrar angkat sumpah jawatan di hadapan bagna, Muhyiddin kemudian mendatangi dokumen berkenaan.

Ia disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat.

Antara pemimpin politik yang hadir ialah Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang; Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Upacara itu diikuti dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Mufiti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Sejurus tiba di kediannya, Muhyiddin menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong atas pelantikannya.

“Saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan ini,” itu ucapan pertama beliau selepas pelantikannya sejurus tiba di kediannya di Bukit Damansara di sini kira-kira jam 12.15 tengah hari.

Ketibaan Muhyiddin dan Noorainee disambut dengan sorakan dan tepukan gemuruh penyokongnya yang menunggu seawal jam 7 pagi.

Majlis angkat sumpah itu sekali gus menandakan kemelut politik negara yang berlarutan sejak Ahad lalu menuju penghujungnya.

Selama seminggu rakyat merhati dengan keliru banyak episod politik yang berlebar di sekitar siapa yang akan dilantik sebagai Perdana Menteri ke-8.

Selaras melalui proses pemilihan yang cermat, Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan melantik Muhyiddin.

Secara rasmi juga satu gabungan politik baharu yang dina-



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan surat cara pelantikan Perdana Menteri ke-8 kepada Muhyiddin pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia di Istana Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

makan Perikatan Nasional (PN) terbentuk mengandungi BERSATU, Barisan Nasional (BN), PAS serta disokong oleh Gabungan Parti Sarawak (GPS) sebagai parti ‘mesra PN’.

Gabungan PN ini juga membuka peluang kepada PAS untuk menyertai Kerajaan Persekutuan kali kedua selepas 1975.

Ketika Muhyiddin mengangkat sumpah di Istana Negara, di Yayasan Al-Bukhary, Dr Mahathir mengadakan sidang media panjang lebar menjelaskan punca episod yang berlaku dan menegaskan PH juga memiliki sokongan majoriti 112 Ahli Parlimen untuknya sebagai Perdana Menteri.

Namun segala-galanya sudah terlewat bagi PH dan Dr Mahathir kerana Yang di-Pertuan Agong sudah pun membuat keputusan petang kelmarin memilih Muhyiddin.

Blok Dr Mahathir dan PH dilaporkan akan mengusulkan undi tidak percaya terhadap Muhyiddin di Dewan Rakyat bagi membuktikan dakwaan mereka mempunyai sokongan majoriti.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof, berkata persidangan Dewan Rakyat yang dijadual berlangsung pada 9 Mac ini, mungkin ditangguhkan pada satu tarikh baharu.

Mengikut jadual asal, istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 sepatutnya berlangsung pada 9 Mac ini dengan perasmianya akan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong.

Pada sebelah petang semalam pula, Dr Mahathir mengadakan pertemuan tertutup dengan ketua bahagian ARMADA di Yayasan Képimpinan Perdana dipercayai

ada kaitan dengan perkembangan politik terkini.

Menyambut pelantikan Muhyiddin itu, Ahmad Zahid pula memberi jaminan BN akan memberi sokongan kepada dasar baharu yang akan dilaksanakan Perdana Menteri.

Hadi pada sidang media pertama sebagai parti gabungan Kerajaan Persekutuan petang semalam pula berkata selain mendukung sepenuhnya kepimpinan Muhyiddin, PAS juga menuntut kerajaan mengutamakan pemulihian ekonomi, merapatkan jurang golongan kaya dan miskin, meningkatkan pendidikan, pembangunan seimbang antara Semenanjung serta Sabah dan Sarawak serta menghormati federalisme.

PAS juga katanya meminta kerajaan bersikap adil dan berkebijakan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama dan politik.

Mohamed Azmin yang kini menjadi ahli BERSATU pula bersyukur kerana perjuangan mereka selama satu minggu untuk membentuk sebuah kerajaan baharu telah berjaya.

“Perjuangan ini melalui saat-saat getirnya, namun akhirnya kita mendapat dukungan majoriti Ahli Dewan Rakyat untuk memilih Tan Sri Muhyiddin sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8.

“Kami bertekad untuk membentuk sebuah kerajaan yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara,” kata-

nya.
Sementara itu, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak akan menerima sebarang pembentukan kerajaan berdasarkan perkauman.

Katanya, Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah rakyat.

Peguam kanan, Datuk Bastian Pius Vendargon, pula berkata keputusan Yang di-Pertuan Agong melantik mana-mana Ahli Parlimen sebagai Perdana Menteri tidak boleh dicabar di mahkamah atau mana-mana tribunal.

Baginda mempunyai kuasa mutlak untuk berbuat demikian mengikut Perkara 40 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan untuk melantik seorang Perdana Menteri.

Beliau berkata pada tahap ini jumlah majoriti tidak perlu mencapai 50 peratus.

“Apa yang penting pada peringkat ini adalah Tuanku berpuas hati bahawa lantikan Perdana Menteri itu ‘mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.’

“Pendapat atau hemat Tuanku berkaitan seseorang yang ‘mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat’ tidak boleh dicabar di mahkamah atau tribunal serta tidak perlu diperbaiki menerusi angka,” kata-

nya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Vendargon ber-

kata sekiranya terdapat pertikaian terhadap pelantikan Perdana Menteri itu, maka langkah se-

terusnya adalah untuk mengemu-

kakan usul tidak percaya di De-

wan Rakyat sebaik ia bersidang

Mac ini.

Minggu ini, tumpuan awam ha-

rus berkisar kepada siapa yang

bakal dilantik menganggotai Ka-

bine Muhyiddin khususnya ‘ra-

kan’ yang dahulunya pembang-

kan.